

# Suami bertanggungjawab bentuk keluarga sejahtera

**H**ala tuju pembentukan keluarga era moden banyak bergantung kepada dasar hidup yang ditetapkan ibu bapa. Sebagai unit asas dalam masyarakat, keluarga adalah tenaga yang sentiasa bergerak melingkari masyarakat dan negara.

Semakin positif fungsi tenaga pemimpin keluarga, semakin bertenaga masyarakat dan negara. Persoalan besar yang boleh ditimbulkan, adakah ketua keluarga hari ini berfungsi sepenuhnya sesuai dengan dasar agama?

Jika tidak, adakah ia hanya menjadi masalah picisan yang hanya perlu ditanggung oleh ahli keluarga malang itu?

## Sedia keperluan keluarga

Pemimpin keluarga hendaklah menyediakan keperluan, menjaga, membantu ahli keluarga, memerintahkan mereka menaati Allah SWT serta mencegah daripada melakukan maksiat.

Rasulullah SAW bersabda: "Setiap anak yang dilahirkan adalah berkeadaan fitrah (suci) tetapi ibu bapanyalah yang menentukan anak itu Yahudi, Nasrani atau Majusi." (Riwayat Ahmad)

Peringatan Allah SWT dalam firman yang bermaksud: "Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu dari api neraka yang bahan bakarnya manusia dan batu; penjaganya malaikat-malaikat yang keras kasar; tidak menderhaka kepada Allah dalam segala yang diperintahkan-Nya kepada mereka, dan mereka pula tetap melakukan segala yang diperintahkan." (Surah at-Tahrim, ayat 6)

Hari ini, pegangan nilai kehidupan berkeluarga semakin berubah. Anta-



Bapa main peranan besar **mendidik anggota keluarga.**

[GAMBAR HIASAN]

ranya keperluan wanita untuk bekerja menyebabkan ibu tidak banyak masa untuk bersama ahli keluarga. Ini mungkin disebabkan tugas mencari nafkah tidak dilakukan sepenuhnya oleh ketua keluarga atau hidup melampaui kemampuan.

Kita maklum pembangunan sosio-ekonomi yang pesat menjadi punca perubahan pegangan nilai hidup yang membawa kepincangan dalam kehidupan keluarga seperti kekurangan kasih sayang, keganasan rumah tangga, peningkatan

kadar perceraian dan penderaan kanak-kanak.

## Bentuk ahli keluarga jadi insan cemerlang

Bagi membentuk ahli keluarga menjadi insan cemerlang, suami dan bapa selaku ketua keluarga hendaklah terdiri daripada manusia yang cemerlang. Bagaimana mungkin suami atau bapa yang derhaka, rumah tangga porak-peranda, dapat membentuk isteri dan anak yang sejahtera.

Pendidikan dan asuhan diberikan suami dan bapa adalah asas untuk isteri serta anak bertindak mengikut keperluan mereka. Kerana suami dan bapa adalah cermin yang mudah dijadikan tontolan isteri serta anak, maka bapa perlu menjadi teladan paling utama.

Disebabkan itu, setiap suami atau bapa sebagai ketua keluarga perlu memainkan peranan besar sesuai dengan dasar agama supaya hak setiap ahli keluarga akan terbelas.



**NIK SALIDA SUHAILA**